

1. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Garam merupakan bahan yang diperlukan dalam masakan kita. Proses membuat makanan bermula daripada air laut yang disalurkan melalui parit yang dibina khas masuk ke dalam petak-petak bendang yang disedut menggunakan pam.

Air laut tersebut sebelum menjadi garam mesti melalui proses pertapaan dalam cuaca panas terik di antara lima hingga enam hari di dalam petak-petak bendang. Untuk menjalankan perusahaan ini pengusaha terlebih dahulu mesti menyediakan lima buah petak sedalam lebih kurang dua setengah kaki serta sebuah pam air.

Setiap petak dibina dengan batas sekatan antara petak untuk memudahkan kerja mengalirkan air laut dari satu petak ke petak yang lain yang berukuran lebih kurang 15 kali 20 kaki sepetak.

Semua petak tersebut dibina dengan teliti dan tanah dasar petak perlu dikeraskan serta dimampatkan terlebih dahulu untuk membolehkan air laut bertakung. Air laut yang dipam akan mengalir dari petak ke petak melalui proses pertapaan sehingga ke petak kelima dan air biasa itu bertukar menjadi pekat oleh sinaran matahari daripada warna kebiruan bertukar putih dan berketul-ketul kecil menjadi garam.

1. Daripada bahan apakah garam boleh didapati?

- A** Pasir
- B** Air laut
- C** Cuaca panas
- D** Petak-petak bendang

2. Berapa lamakah air laut itu mesti melalui proses pertapaan?

- A** Dua hari setengah
- B** Tiga hingga lima hari
- C** Lima hingga enam hari
- D** Empat hingga enam hari

3. Proses di bawah ini mesti disediakan untuk menjalankan perusahaan membuat garam, kecuali
- A membuat petak-petak khas di dalam parit
 - B menyediakan lima petak khas seperti bendang
 - C menyalurkan air laut ke dalam petak-petak bendang
 - D melakukan proses pertapaan dalam cuaca panas terik
4. Mengapakah tanah dasar petak perlu dikeraskan dan dimampatkan?
- A Supaya air laut tidak terserap ke dalam tanah.
 - B Supaya air laut terserap ke dalam tanah.
 - C Supaya air laut tidak bertakung.
 - D Supaya air laut menjadi kering.

2. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Ramai remaja didapati menghabiskan masa di tempat-tempat membeli-belah serta pusat-pusat hiburan. Mereka sanggup ponteng dari kelas untuk berfoya-foya bersama kawan-kawannya yang sehaluan.

Salah satu sebab utama terjadinya hal sedemikian adalah kerana mereka mendapat duit poket yang banyak daripada ibu bapa masing-masing. Tambahan pula, ibu bapa mereka bekerja dan tidak ada masa untuk mengawasi kegiatan anak-anak.

Pengaruh media massa juga sedikit sebanyak mendatangkan keburukan. Iklan-iklan mengenai jenama barangan baru, makanan segera yang menyelerakan serta permainan video yang menarik akan membuat para remaja teringin untuk mencubanya. Semua ini boleh didapati dengan mudah di tempat-tempat membeli-belah.

Antara faktor utama lain ialah berpunca dari sikap remaja itu sendiri yang berada di dalam peringkat untuk mencari identiti diri. Mereka akan mengikut serta mencuba apa sahaja yang dilakukan oleh rakan-rakan sebayanya, tidak kira baik ataupun buruk.

Sesuatu tindakan haruslah dilakukan untuk menyekat sikap yang buruk ini. Perhatian yang lebih haruslah diberikan kepada mereka sama ada di sekolah ataupun ketika di rumah.

1. Salah satu daripada kegiatan remaja yang tidak sihat adalah
 - A pergi membeli belah
 - B enggan pergi ke sekolah
 - C bergaul bersama kawan-kawan
 - D mengisi masa lapang dengan kegiatan yang bermanfaat
2. Mengapakah ibu bapa memberikan belanja yang banyak kepada anak-anak mereka?
 - A Kerana mereka sentiasa sibuk dan tidak ada masa untuk memperhatikan kegiatan anak-anak.
 - B Supaya anak-anak mempunyai duit yang cukup untuk membeli belah.
 - C Kerana mereka tidak mahu anak-anak kelaparan.
 - D Kerana mereka sayangkan anak-anak mereka.
3. Berikut adalah sebab-sebab mengapa anak-anak suka berfoya-foya di pusat-pusat hiburan, **kecuali**
 - A memperoleh duit poket yang banyak daripada ibu bapa
 - B mereka diawasi sepenuhnya oleh ibu bapa
 - C pengaruh dari iklan-iklan di media massa
 - D pengaruh dari kawan-kawan sebaya

4. Kata 'pengaruh' adalah sama erti dengan

- A** tarikan
- B** terlibat
- C** hasutan
- D** pendapat

3. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.



Sejak 40,000 tahun Gurun Kalahari merupakan tempat kediaman orang asli (Bushmen) di Afrika. Mereka telah dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kehidupan **flora** dan faunanya. Kebolehan penyesuaian diri terhadap kepanasan sehingga 40°C di tanah gersang serta kekurangan air (200 mm / 8 inchi setahun), dapat diatasinya dengan memakan timun dan tembikai yang terdapat di gurun. Seluas 96 000 kilometer persegi kawasan gurun ini telah diisytiharkan sebagai Taman Negara oleh kerajaan Afrika Selatan pada Julai 1931.

Sumber : Going Places

1. Di manakah tempat kediaman orang asli di Afrika ?
 - A Gurun Kalahari
 - B Padang Pasir
 - C Gunung
 - D Rumah

2. Berapakah tahap kepanasan yang dialami di tanah gersang itu?
 - A 20°C
 - B 30°C
 - C 35°C
 - D 40°C

3. Orang asli Bushmen makan untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan gurun
- A timun dan tembikai
 - B kurma dan betik
 - C tembikai
 - D mangga
4. Apakah maksud perkataan fauna?
- A Seluruh tumbuhan yang terdapat di sesuatu kawasan pada sesuatu masa.
 - B Seluruh binatang yang hidup di kawasan tertentu
 - C Binatang yang telah pupus
 - D Tumbuhan yang hampir pupus

4. Baca berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MELAKA, 5 April - Seramai 750 orang murid sekolah rendah dari seluruh negara menyertai Perkhemahan Alam Semula Jadi Peringkat Kebangsaan 2006 yang diadakan di perkarangan Ayer Keroh Country Resort, Melaka.

Perkhemahan yang bertemakan Cintai Alam Semula Jadi merupakan program yang julung-julung kali dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dan dikelolakan oleh Jabatan Pelajaran Melaka dengan kerjasama Ayer Keroh Country Resort, Melaka.

Urus setia pengelola, Encik Nasir Ahmad, berkata, perkhemahan itu memberikan peluang kepada para peserta mendekati alam semula jadi serta mengenali pelbagai flora dan fauna yang terdapat di kawasan tersebut. Tambahan pula, katanya, semua aktiviti lasak dijalankan di Zoo Melaka, yang menjadi habitat pelbagai jenis haiwan dan tumbuhan, termasuk hidupan yang mungkin tidak pernah dilihat oleh peserta.

Beliau berkata, perkhemahan itu juga dapat melatih peserta berkomunikasi antara satu dengan yang lain, selain mewujudkan integrasi kaum dengan cara bekerjasama menjalankan pelbagai aktiviti lasak yang disediakan.

“Selama enam hari, para peserta yang terdiri daripada murid Tahun Lima dan Tahun Enam dari seluruh negara ini didedahkan kepada pelbagai aktiviti yang dapat menyemai semangat cinta akan alam dan berusaha untuk memelihara keindahannya agar tidak dicemar.”

“Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah memerhatikan dan mengenal spesies burung, meredah hutan belantara, kajian dan ekplorasi paya bakau, kajian ekosistem hutan, meredah sungai dan tanah tinggi.”

“Peserta juga berpeluang membuat kajian tentang kehidupan rama-rama di Taman Rama-rama, menjelajah Bukit Merah, mendengar ceramah tentang kesedaran memelihara alam sekitar serta menjalankan aktiviti kreatif secara berkumpulan,” katanya.

1. Siapakah yang menganjurkan program perkhemahan tersebut?

- A** Ayer Keroh Country Resort, Melaka
- B** Jabatan Pelajaran Melaka
- C** Kementerian Pelajaran
- D** Encik Nasir Ahmad

2. Bagaimanakah perkhemahan seumpama itu dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum?
- A Berbincang dan berkomunikasi sesama kaum sendiri
 - B Bekerjasama dan berinteraksi dalam menjalankan pelbagai aktiviti berkumpulan
 - C Menggunakan bahasa ibunda sendiri ketika berkomunikasi dalam aktiviti berkumpulan
 - D Bertegur sapa antara satu kaum dengan kaum yang lain ketika menjalankan aktiviti berkumpulan sahaja
3. Yang berikut ialah tujuan program perkhemahan itu diadakan, **kecuali**
- A menyemai semangat cinta akan alam sekitar
 - B memupuk semangat perpaduan antara kaum
 - C meningkatkan pencapaian dalam bidang sukan
 - D mengenal pelbagai spesies flora dan fauna secara dekat
4. Aktiviti-aktiviti yang berikut dijalankan sepanjang program perkhemahan tersebut diadakan, **kecuali**
- A ekspedisi meredah hutan belantara
 - B membuat kajian tentang kepelbagaian spesies flora dan fauna
 - C mendengar ceramah tentang kesedaran memelihara alam sekitar
 - D mengumpul pelbagai spesies flora dan fauna yang tidak pernah dijumpai

5. Baca dialog di bawah dan kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

WARTAWAN : Selamat pagi, saudari Nana.

NANA : Selamat pagi.

WARTAWAN : Sebelum saya menemu ramah saudari, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kerana saudari telah diumumkan sebagai Olahragawati Peringkat Daerah dan sekarang saudari berjaya menjadi pelajar terbaik sekolah ini dalam peperiksaan UPSR.

NANA : Terima kasih.

WARTAWAN : Bagaimanakah cara saudari membahagikan masa antara mengulang kaji pelajaran dan bergiat dengan cergas dalam bidang olahraga? Tidakkah kegiatan tersebut mengganggu pelajaran saudari?

NANA : Sebenarnya, kita hendaklah pandai membahagikan masa serta menyediakan jadual aktiviti harian sendiri. Kita perlu bijak menyusun waktu belajar dan bersukan.

WARTAWAN : Apakah rahsia di sebalik kejayaan saudari dalam UPSR?

NANA : Sebenarnya tiada rahsia. Di sekolah, saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru. Di rumah saya akan membuat ulang kaji, dan membuat banyak latihan sebagai pengukuhan. Jika tidak faham, saya akan berbincang dengan kawan-kawan atau bertanya kepada guru.

WARTAWAN : Apakah saudari ada menghadiri kelas tambahan?

NANA : Ya, setiap hujung minggu. Tapi bagi saya faktor utama kejayaan seseorang pelajar bukan bergantung kepada kelas tambahan. Kita hendaklah rajin belajar dan rajin bertanya kepada guru. Di samping itu, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memberi galakan kepada anak-anak dan memastikan mereka belajar dengan cara yang betul.

WARTAWAN : Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah.

NANA : Sama-sama.